



SIARAN MEDIA

MALAYSIA MANFAATKAN KONGRES PERLOMBONGAN SEDUNIA 2026 DI PERU BAGI MEMACU PELABURAN STRATEGIK DAN RANTAIAN BEKALAN MINERAL KRITIKAL RANTAU ASEAN

LIMA, Peru, 23 Jun 2026 – Penglibatan Malaysia dalam Kongres Perlombongan Sedunia (WMC) 2026 mengukuhkan lagi objektif strategik negara dalam menonjolkan potensi sektor mineral domestik yang berdaya saing, mapan dan berorientasikan masa hadapan bagi menyokong agenda peralihan tenaga global.

Delegasi negara yang diketuai oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, serta disertai oleh wakil Kerajaan Sabah, Sarawak dan pemain industri perlombongan Malaysia komited memanfaatkan platform antarabangsa ini untuk meneroka peluang pelaburan baharu, memperkukuh pemindahan teknologi, serta menjalin kerjasama strategik dengan rakan industri global dalam pembangunan industri pemprosesan hiliran dan mineral kritikal. Usaha ini selaras dengan aspirasi negara untuk memperkukuh rantai nilai mineral, meningkatkan daya saing industri serta menyokong agenda pembangunan mineral yang mampan.

Sebagai sebahagian daripada pengisian lawatan kerja ini, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup telah mengadakan mesyuarat dua hala rasmi bersama rakan sejawat beliau iaitu H.E Waldir Eloy Ayasta Mechan, Menteri Tenaga dan Perlombongan Peru, bagi membincangkan penyelarasan strategik ekosistem mineral kedua-dua buah negara.

Fokus utama perbincangan tertumpu kepada pengukuhan tadbir urus mineral, kerjasama penyelidikan geosains, pemerkasaan standard Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), serta pembangunan modal insan bagi menyokong pertumbuhan industri mineral yang mampan.

Dalam pada itu, Arthur menegaskan pasaran mineral global kini menuntut anjakan strategik yang seimbang antara eksplorasi sumber dan tanggungjawab kelestarian:

"Sesi libat urus dua hala yang telah dilaksanakan bersama rakan sejawat dari Peru mencerminkan satu anjakan penting dalam usaha membina rantai bekalan mineral yang lebih berdaya tahan dan berintegriti tinggi. Malaysia dan Peru berkongsi visi yang sama untuk memposisikan sektor mineral sebagai pemacu utama ekonomi moden, khususnya melalui aplikasi amalan terbaik, inovasi teknologi, dan tadbir urus korporat yang mantap. Kerjasama industri dan institusi yang lebih erat antara kedua-dua buah negara bakal

membuka peluang pertumbuhan baharu yang mapan serta memberi impak ekonomi yang signifikan."Kapasiti Malaysia sebagai Pengerusi kerjasama mineral ASEAN bagi tahun

2026 turut meletakkan negara pada kedudukan strategik untuk bertindak sebagai gerbang pelaburan utama bagi rantau Amerika Latin ke pasaran Asia Tenggara yang dinamik.

Dengan kekuatan pasaran melebihi 680 juta penduduk, ASEAN menawarkan potensi pasaran meluas bagi rangkaian bekalan tenaga bersih, teknologi pembuatan termaju, dan infrastruktur mapan.

Penganjuran Forum Pelaburan Mineral ASEAN yang dijadualkan berlangsung pada Oktober 2026 akan menjadi platform komersial utama untuk mempertemukan para penggubal dasar, pelabur global, dan peneraju industri korporat.

Bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik Malaysia- Peru, lawatan kerja ini berfungsi sebagai pemangkin strategik dalam memperbaharui komitmen kedua-dua negara bagi merangsang kerjasama ekonomi dua hala yang berimpak tinggi dalam industri sumber asli.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
23 JUN 2026



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

